

BAB SATU: KESEDARAN POLITIK MELAYU SECARA UMUM

A. Sejarah Nasionalisme Melayu secara umum

Kesedaran politik di kalangan orang-orang Melayu telah wujud sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua lagi. Namun kesedaran untuk membebaskan diri daripada penjajahan British masih belum ada di kalangan orang Melayu seperti selepas tahun 1945. Titik tolak permulaan kesedaran ini ialah pada tahun 1900 apabila bermulanya kebangkitan Kaum Muda yang sering dikaitkan dengan pergerakan islah¹ yang bermula di Negeri-negeri Selat dipelopori oleh orang Melayu Arab Singapura. Antara permasalahan yang dipersoalkan oleh Kaum Muda ialah masalah sosial dan ekonomi yang semakin lantang² lantang diperkatakan setelah sedar sasaran British hanya untuk mengeksplotasi ekonomi Tanah Melayu yang menyebabkan mereka terpinggir daripada kemajuan yang seharusnya dikecapi di bumi sendiri.

Gerakan islah ini telah melahirkan sebuah akhbar Melayu bernama *Al-Imam* yang diterbitkan di Singapura pada Julai 1906. Cita-cita islah ini lebih condong kepada doktrin salafiyyah yang menekankan kepada ajaran Islam yang berlandaskan Hadith dan Al-Quran. Menurut Roff, umat Islam mampu mencapai kejayaan seandainya berlandaskan kedua-dua sumber ini dan akan menemui kegagalan jika mereka bersikap lalai dan cuai:

Punca kejatuhan umat Islam dari kegemilangan zaman silamnya itu terletak kepada ketiadaan mereka, oleh sebab kejihilan mengikut perintah Tuhan yang disampaikan menerusi wahyu Nabi Muhammad S.A.W.³

Beberapa tokoh utama Kaum Muda ialah seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, seorang Melayu Minangkabau yang mendapat pendidikan di

Mekah,⁴ Syed Sycikh Ahmad Al-Hadi, Haji Abas Bin Mohd Taha dan Mohd Salim Al-Kalali⁵ merupakan tokoh nusantara yang telah diasuh dalam gerakan reformasi Islam dan telah menerima pendedahan mengenai gerakan pembaharuan Islam di Mesir.⁶ Mereka juga telah berguru dengan beberapa orang pemimpin besar gerakan pembaharuan itu seperti Syed Jamaludin Afghani dan Syed Muhamad Abdurrahman dari Timur Tengah.⁷

Tujuan Kaum Muda menerbitkan akhbar *Al-Imam* ialah untuk “mengingatkan mana yang lalai, menjaga mana yang tidur, menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru kepada kebaikan”.⁸ Ini kerana mereka melihat orang-orang Melayu amat daif dalam bidang ekonomi dan pendidikan, selain terkongkong dengan adat resam yang kuno tinggalan kebudayaan Hindu dan Buddha menjadikan Islam sebagai agama ikut-ikutan.⁹ *Al-Imam* turut mendesak agar orang-orang Melayu, pemimpin-pemimpin dan raja-raja Melayu supaya menu buhkan persatuan untuk kemajuan pelajaran orang-orang Melayu.¹⁰ Di samping itu *Al-Imam* turut mengusulkan satu pembaharuan pada sistem pendidikan iaitu pendidikan Islam yang berdasarkan rukun dan hukum benar. Pelajaran bahasa Arab dan bahasa Inggeris harus diperluaskan di samping dan anak-anak Melayu hendaklah digalakkan belajar keluar negeri.¹¹

Hasil daripada desakan ini, antara tahun 1924-1927, dikatakan 27 penuntut Melayu di hantar ke Timur Tengah dan dari jumlah ini 80 orang anak Melayu telah menuntut di Kaherah. Penuntut Melayu di Universiti Al-Azhar ini telah bergabung dengan pelajar-pelajar Indonesia menu buhkan persatuan bernama Al-Jam'iah al-Khairiah di sana. Mereka telah menerbitkan majalah bernama *Seruan Al-Azhar* bagi membuka ruang kepada cetusan fikiran

mengenai politik dan siasah.¹² Majalah *Seruan Al-Azhar* telah membuka ruang pertembungan pendapat antara kemahanan Kaum Muda dan golongan tua yang masih mahu mempertahankan institusi penjajahan, raja-raja dan keagamaan yang tradisional.¹³

Di Semenanjung Tanah Melayu beberapa akhbar tempatan seperti *Neraca* (1911-1915), *Utusan Melayu* (1907-1922) dan *Lembaga Melayu* (1914-1931) telah menjadi bahan bacaan popular. *Neraca* dipimpin bekas pengarang *Al-Imam* iaitu Haji Abas B. Mohd Taha. Beritanya lebih tertumpu kepada Timur Tengah dan memaparkan semangat keislaman.¹⁴

Pada tahun 1924, *Majalah Guru* telah diterbitkan bersama-sama oleh Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Majalah ini lebih bersifat radikal di mana isi kandungannya menyentuh mengenai politik tetapi masih menyuarakan perpaduan bangsa Melayu untuk mencapai matlamat ekonomi dan sosial. Terdapat juga penerbitan akhbar *Edaran Zaman* (1925), Majalah *Al-Ikhwan* (1926),¹⁵ *Warta Malaya* (1930-1941), *Majlis* (1931-1941), *Lembaga Malaya* (1935-1941) dan *Utusan Malaya* (1939-1941). *Warta Malaya* dan *Lembaga Malaya* pernah dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Melalui akhbar-akhbar zaman ini suara-suara kritikan dikemukakan mengenai sosial, ekonomi agama dan politik.¹⁶ Akhbar *Majlis* yang diterbitkan pada 16 dan 18 1946 telah mengeluarkan berita tentang kemunduran orang-orang Melayu di dalam ekonomi dan turut memberi pandangan dan saranan tentang bidang perniagaan yang boleh disertai oleh orang Melayu.¹⁷ Manakala akhbar *Lembaga Malaya* pula sering menyeru orang-orang Melayu melibatkan diri didalam perniagaan disamping mengkritik tentang kemasukan orang-orang luar seperti penjajah Inggeris, orang-orang Cina dan India.¹⁸

Selain kemunculan banyak akhbar-akhbar tempatan, beberapa pertubuhan Melayu juga ditubuhkan seperti Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada 14 Mei 1926 oleh Yunus Abdullah di Singapura.¹⁹ Kemudian cawangan KMS dibuka di Melaka dan Pulau Pinang. Tujuan KMS ditubuhkan ialah untuk menggalakkan orang-orang Melayu mengikuti perkembangan politik, ekonomi dan pelajaran dan menggesa mereka peka dengan pergolakan politik yang berlaku.²⁰

Selain KMS, sebuah pertubuhan sosial yang dikenali sebagai Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PMSM) ditubuhkan pada 15 April 1934.²¹ Penasihat PMSM ialah Zainal Abidin Ahmad yang berperanan mencurahkan idea-idea sehingga melahirkan cita-cita kebangsaan. Namun pertubuhan ini terbubar kerana pendudukan Jepun pada tahun 1942.²²

Permulaan gerakan politik Tanah Melayu dilihat dengan tertubuhnya sebuah persatuan Melayu yang bernama Kesatuan Melayu Muda (KMM).²³ Kesatuan Melayu Muda telah ditubuhkan pada Mei 1937 dan didaftarkan pada Ogos 1938 di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaakob²⁴ sebagai Yang Dipertua, Onan Haji Siraj (Naib Yang Dipertua), Haji Othman Abdullah (Bendahari), Hassan Manan, Mustafa Hussin, Ahmad Boestamam serta Isa Mohamad B. Mahmud.²⁵

Menurut Ibrahim Yaakob, KMM tidak menyatakan kesetiaannya kepada sultan dan Inggeris atau menyatakan tidak bekerjasama (*speak of non-cooperation*); tetapi bekerja untuk memajukan perasaan kebangsaan dan pengajarnya di kalangan bawahan. Manakala menurut Ishak Haji Mohamad perjuangan KMM bukanlah berniat menggulingkan kerajaan tetapi tujuan utama mereka adalah untuk memberhentikan gerakan memeras orang Melayu yang

dilakukan oleh bangsa-bangsa lain dan untuk membangkitkan perasaan kebangsaan di antara orang-orang Melayu melalui penulisan rencana yang memberansangkan dalam suratkhabar tempatan.²⁶

Selain KMM, Persatuan Melayu Selangor telah ditubuhkan lebih awal daripadanya iaitu pada tahun 1937 dan Perikatan Melayu Perak pula ditubuhkan pada tahun 1938 yang mana tokoh-tokoh pentingnya seperti Dato' Abdul Wahab B. Toh Muda Abdul Aziz (Dato' Panglima Bukit Gantang), Zainal Abidin Abas, Puteh Mariah Binti Ibrahim Rashid, Megat Yunus B. Megat Abdullah dan Raja Kamaruzzaman.²⁷

Antara tahun 1938 hingga 1941 telah diadakan dua kali Kongres Se-Malaya iaitu pada 5 dan 6 Ogos 1939 di Kuala Lumpur dan pada 25 dan 26 Disember 1940 di Singapura. Matlamat kongres pertama ini ialah untuk mengeratkan hubungan, memaju dan mengukuhkan usaha-usaha bangsa dan pertubuhan Melayu. Perhimpunan ini pada asasnya bersetuju untuk mewujudkan gabungan persatuan Melayu. Manakala dalam kongres kedua telah dihadiri oleh 41 orang wakil hadir mewakili 11 buah pertubuhan dari Singapura, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Sarawak, Brunei dan Johor. Kongres ini dipengerusikan oleh Tengku Ismail (Selangor) dan setiausaha Ishak Haji Mohammad (Kesatuan Melayu Singapura). Dalam kongres itu, perbincangan adalah mengenai kemajuan dan kepentingan bangsa Melayu, menggesa memudahkan pelajaran bahasa Inggeris supaya boleh diikuti oleh orang Melayu dan meningkatkan had umur kanak-kanak berpengetahuan Melayu untuk memasuki sekolah Inggeris. Walau bagaimana pun kongres ini gagal melahirkan gabungan persatuan Melayu dan perbincangan ditangguhkan kepada kongres berikutnya pada tahun 1941 di Ipoh. Namun kongres ini tidak

dapat diadakan kerana pada Disember 1941 kerana Jepun telah melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu melalui Kota Baharu, Kelantan dan pada 15 Februari 1942. Inggeris telah menyerah kalah kepada Jepun di Singapura. Dengan itu bermulalah pendudukan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1942 hingga 1945.²⁸

Kemasukan tentera Jepun telah membangkitkan kesedaran politik orang Melayu bertambah tinggi apabila pemerintahan Jepun di Tanah Melayu adalah lebih buruk daripada British. Jepun tidak memberi kebebasan berpolitik kepada orang Melayu di mana KMM di bawah pimpinan Ibrahim Yaakob telah diharamkan pada Jun 1942 dan digantikan dengan sebuah pertubuhan yang ditaja untuk kepentingan Jepun. Selain itu akhbar-akhbar Jepun digunakan sebagai alat propaganda Jepun menggantikan akhbar Melayu dan mengarahkan bahasa Jepun diajar di sekolah dan sebagai alat komunikasi.

Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua menyebabkan MPAJA atau askar Bintang Tiga di bawah pemerintahan Parti Komunis Malaya (PKM) telah keluar dari tempat persembunyian mereka di dalam hutan, masuk ke kampung-kampung dan bandar-bandar di Tanah Melayu seperti Perak, Pahang, Kedah dan Selangor untuk mengambil kuasa pemerintahan Tanah Melayu. Mereka telah menangkap ramai orang Melayu, India dan Serani yang dituduh bekerjasama dengan Jepun.²⁹ Banyak nyawa yang tidak berdosa diseksa dan dibunuhan mengikut sesuka hati mereka.³⁰ Kekejaman dan kezaliman serta hasutan mereka terhadap orang-orang Cina lain telah menyebabkan berlaku rusuhan dan pergaduhan perkauman di antara orang Cina dengan orang Melayu terutama di Batu Pahat, Johor, Batu Malim di Pahang dan Sungai Manik, Perak.³¹

Pada September 1945 Tentera Berikat telah mendarat di Tanah Melayu dan mengadakan Pemerintahan Tentera British(British Military Administration) yang berpusat di Singapura.³² Ini menandakan penjajahan British telah kembali di Tanah Melayu. Walaupun ada orang yang bergembira dan mengalu-alukan kedatangan semula penjajah British tetapi ada orang-orang yang penuh semangat kebangsaan yang anti-penjajah tidak senang hati hal ini berlaku.

Pertubuhan-pertubuhan politik yang telah terhenti disebabkan Perang Dunia Kedua kemudiannya dihidupkan semula di merata-rata negeri. Antaranya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan United Malay National Organization (UMNO). PKMM telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1945. Mokhtaruddin Lasso terpilih menjadi Yang Dipertua Agong, Dahari Ali menjadi Setiausaha. Bendahari Agong jatuh kepada Arshad Ashaari. Naib Yang Dipertua ialah Dr Buhranuddin Al-Helmy, Ahmad Boestamam menjadi Ketua Pemuda dan Aishah Ghani menjadi Ketua Wanita.³³

Dalam persidangan yang diadakan pada 30 November 1945, dasar membentuk Melayu Raya telah dimasukkan sebagai salah satu matlamat perjuangan PKMM untuk menuntut kemerdekaan.³⁴ Kemerdekaan yang diperjuangkan oleh PKMM ialah kemerdekaan penuh atau seratus peratus bagi Tanah Melayu. Ini bererti PKMM tidak mahu British mengekalkan kepentingan mereka di Tanah Melayu selepas merdeka. Pendirian mereka lebih dikenali sebagai '*non-cooperation*' dengan British.³⁵

Selain itu terdapat pertubuhan-pertubuhan politik Melayu yang baru ditubuhkan seperti Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang dipimpin oleh Dato' Onn Bin Jaafar yang pada masa itu menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat, Johor, Perikatan Melayu Perak yang diketuai oleh Tuan Haji Abdul Wahab,

Datuk Panglima Bukit Gantang, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor, Seberkas, Kedah, Kesatuan Melayu Kedah, Kesatuan Melayu Johor yang dipimpin oleh Datuk Abdul Rahman B. Mohammad Yasin dan Persatuan Kaum Ibu Selangor.³⁶ Pertubuhan-pertubuhan ini akhirnya bergabung membentuk sebuah pertubuhan Melayu yang mantap yang dinamakan PEKEMBAR atau UMNO untuk memperjuangkan nasib rakyat, raja Melayu dan Semenanjung Tanah Melayu itu sendiri.

B. Penentangan Orang Melayu Terhadap Malayan Union

Pertubuhan UMNO (United Malay National Organization) ditubuhkan oleh pemimpin Melayu yang ulung yang bernama Dato' Onn b. Jaafar adalah atas kesedarannya untuk menentang Malayan Union. Dato' Onn mendapat sokongan daripada orang Melayu dan raja-raja Melayu untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan Tanah Melayu sendiri dari dijajah secara mutlak oleh British.

Pengenalan Malayan Union oleh British bertujuan untuk melicinkan dan mencantumkan pentadbiran negeri-negeri Melayu bagi menyediakan kerajaan sendiri di Tanah Melayu. Ia juga dikatakan sebagai satu cara mengajar raja-raja Melayu kerana bekerjasama dengan Jepun. Ada juga yang mengatakan untuk menjaga kepentingan ekonomi terutama getah di Tanah Melayu dan Asia Tenggara daripada dikuasai oleh kuasa besar yang lain.³⁷

Orang-orang Melayu menentang Malayan Union yang mana British ingin menghapuskan institusi Raja Melayu secara perlembagaan dan kebudayaan dan mengambil alih kuasa raja-raja Melayu lalu diserahkan secara

langsung kepada Gabenor. Ini menandakan raja Melayu akan hilang negara asal dan kedudukannya. Selain itu British mahu membentuk satu konsep negara-negara baru yang tidak lagi berasaskan Melayu tetapi Malayan. Dalam hal kerakyatan Malayan Union pula ianya memperlihatkan satu peruntukan kerakyatan yang sangat bebas. Ia memberi peluang semua bangsa yang lahir di Tanah Melayu, Singapura dan rakyat British serta mereka dari luar negara yang berminat. Kini kata putus untuk membolehkan semua kerakyatan itu bukan lagi terserah kepada Raja Melayu tetapi sepenuhnya kepada Gabenor British dan Parlimen British.³⁸

Orang Melayu tidak dapat menerima hakikat itu kerana tidak mahu ketuanan mereka di tanah air sendiri dicabar oleh British dan orang dagang dengan begitu mudah diterima sebagai warganegara. Mereka juga bimbang dan sedar jika ianya diluluskan Tanah Melayu akan dipenuhi oleh orang-orang dagang yang mempunyai hak yang sama dari segi politik memandangkan waktu itu kaum pendatang telah menguasai bidang ekonomi.

Beberapa akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu* yang dipimpin oleh Haji Dahlan Masood di Singapura, *Majlis* oleh Mohamed Yunus Hamidi di Kuala Lumpur dan *Warta Negara* yang dipimpin oleh Ibrahim Mahmood di Pulau Pinang turut memainkan peranan sebagai pengkritik awal dan sebagai saluran maklumat kepada orang ramai tentang keburukan Malayan Union yang bakal diterima oleh orang Melayu jika ianya dilaksanakan. Selain itu di dalam akhbar ini juga memaparkan bantahan-bantahan yang keras, mengecam dan mengutuk rancangan Malayan Union bahkan menyeru dan mengajak semua orang Melayu mengadakan segera perjumpuan ramai untuk membantah dan menolak Malayan Union dengan satu suara dan satu hati di dalam satu badan

Barisan Bersatu (United Front).³⁹ Akhbar-akhbar ini juga turut memuatkan surat-surat pembaca yang mengkritik Malayan Union selain daripada tindakan persatuan-persatuan negeri Melayu yang telah ditubuhkan sebelum perang menghantar nota-nota bantahan kepada Pejabat Tanah Jajahan agar Malayan Union dibubarkan.⁴⁰


Namun begitu PKMM telah menyokong perlaksanaan Malayan Union ini untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai negara kesatuan. Ini memang diperjuangkan oleh PKMM untuk menghapuskan institusi raja dan golongan bangsawan yang melahirkan sistem kelas dalam masyarakat Melayu. Selain itu PKMM juga bersetuju dengan dasar kerakyatan baru Malayan Union yang tidak lagi berdasarkan orang Melayu tetapi berbagai bangsa yang datang dari luar Tanah Melayu. Sokongan PKMM bertujuan untuk memasukkan orang Indonesia menjadi penyokong dan sokongan ini selari dengan kehendak PKM yang menjadi ‘mentor’ PKMM.⁴¹ Ini telah menyebabkan orang Melayu menjadi dua golongan iaitu satu golongan orang Melayu yang ingin mengekalkan status quo Melayu dan satu lagi inginkan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan penuh.⁴²

Dalam keadaan yang tertekan ini maka muncullah beberapa pemimpin Melayu untuk menyelamatkan dan menyatukan nasib orang-orang Melayu. Di antaranya Dato’ Onn Jaafar dari Johor, Zainal Abidin Ahmad dari Selangor, Dato’ Nik Ahmad Kamil dari ^{Kelantan}, Dato’ Panglima Bukit Gantang dari Perak dan pemimpin yang datang dari setiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu.⁴³ Dato’ Onn telah mengetuai orang-orang Melayu mengadakan kongres yang dikenali sebagai Kongres Melayu Semenanjung yang pertama pada 1, 2, 3 dan 4 Mac 1946. Ianya diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru

Kuala Lumpur.⁴⁴ Sebanyak 41 buah pertubuhan, persatuan, kesatuan dan badan-badan masyarakat terdiri daripada golongan politik, masyarakat, ekonomi, perniagaan, penghulu, kaum wanita dan kaum sakai telah menghantar wakil-wakil dan pemerhati seramai 107 orang dan 56 orang pemerhati rasmi dari tiap-tiap negeri dan jajahan di Tanah Melayu termasuk Singapura telah hadir untuk mendengar wakil-wakil pertubuhan berbincang soal-soal yang dihadapi oleh mereka dengan panasnya.⁴⁵ PKMM juga turut menghantar enam orang wakil dan 14 orang pemerhati.⁴⁶ Kongres ini dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Hishamudin Alam Syah dan dipengerusikan oleh Dato' Onn.

Dalam kongres ini telah mengisyiharkan bahawa perjanjian Mac Michael 1946 itu tidak sah dan menuntut Malayan Union ditarik balik. Mengikut Kesatuan Kedah, perjanjian ini telah dibuat secara tekanan dimana raja-raja Melayu telah diugut akan diturunkan takhta menyebabkan raja-raja Melayu tidak boleh membantah atau meminta tempoh berfikir kerana ketika itu Tanah Melayu masih di bawah pemerintahan tentera (BMA).⁴⁷ Mengikut kesatuan itu, British tidak bersifat demokratik tambahan pula perjanjian itu dibuat di zaman pemerintah tentera dan tiada Majlis Mesyuarat Negeri untuk menasihati raja-raja Melayu mengenai Malayan Union.

Gambar 1.1: Para Perwakilan dari Persatuan Melayu yang menghadiri Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur pada 1 Mac 1946.



Sumber: Ibu Pejabat UMNO Melaka

Kongres 1946 kali kedua telah diadakan secara tergempar pada 30 Mac 1946 kerana kedegilan pihak British hendak meneruskan Malayan Union pada 1 April 1946. Kongres ini diadakan di ibu pejabat akhbar *Majlis* yang dihadiri oleh sembilan orang wakil daripada sembilan buah persatuan negeri Melayu. Dalam perbincangan itu mereka membuat beberapa keputusan penting antaranya meminta raja-raja Melayu memulaukan perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union pada 1 April 1946. Mereka juga meminta ahli Melayu yang dilantik dalam Majlis Mesyuarat Malayan Union (MMMU) menolak perlantikan itu dan bagi orang Melayu pula mereka diminta berkabung selama tujuh hari sebagai tanda kematian hak mereka.⁴⁸

Walau bagaimanapun reaksi orang bukan Melayu adalah berbeza dengan orang Melayu di mana mereka secara terang-terangan menyokong Malayan Union kerana memberi kebaikan untuk mereka. Orang-orang Cina bersetuju dengan dasar *dual nationality* dalam Malayan Union. Akhbar Cina seperti Sin Chew Jit Poh, Sin Min Chu dan Hua Chiao menyokong kerakyatan Malayan Union. Dianggarkan 1.6 juta orang Cina atau 62.5 peratus daripada penduduk Cina Tanah Melayu menjadi rakyat Malayan Union. Bakinya sebanyak 37.5 peratus boleh mendapat kerakyatan melalui syarat-syarat lain dalam Malayan Union. Hanya yang ditentang oleh mereka ialah pemisaan Singapura daripada Malayan Union dan Pulau Pinang daripada Negeri-negeri Selat kerana akan menjelaskan kepentingan perdagangan dan pelaburan mereka sahaja.⁴⁹

Pada 1 April 1946, iaitu beberapa jam sebelum Malayan Union diisytiharkan, satu tunjuk perasaan yang besar telah dilancarkan oleh anggota-anggota Kongres Melayu Semenanjung sebagai satu tentangan terhadap rancangan itu di hadapan Station Hotel, Kuala Lumpur tempat penginapan Raja-

raja Melayu. Raja-raja yang insaf kerana keterlanjuran mereka menandatangani rancangan Malayan Union turut bertindak memulaukan upacara tersebut setelah diberi amaran oleh pemimpin-pemimpin Melayu agar tidak menghadiri upacara perlantikan Gabenor Malayan Union.

Dengan sokongan daripada raja-raja Melayu, Dato' Onn lebih yakin memimpin orang Melayu untuk menentang Malayan Union. Dalam Kongres 1946 yang berlangsung pada 11 Mei 1946 telah dihadiri oleh 59 wakil dan 30 pemerhati. Kongres kali ketiga ini telah diadakan di Istana Besar Johor Baharu yang dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor. Dalam perbincangan itu, Dato' Onn telah mengumumkan pembubaran Kongres 1946 dan mencadangkan satu pertubuhan Melayu Bersatu atau United Malays Organization (UMO) tetapi Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor, Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba mencadangkan pula agar ditambah perkataan kebangsaan atau national selepas perkataan pertubuhan untuk menjadikannya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malay National Organization (UMNO).⁵⁰ Dalam kongres ini, Piagam UMNO disahkan dan berdirilah UMNO dengan rasminya dengan cogan perjuangan orang Melayu yang berbunyi 'Hidup Melayu'. Selepas persetujuan itu, sebuah jawatankuasa ditubuhkan bagi menggubal Undang-undang Tubuh yang terdiri daripada Dato' Onn sendiri sebagai pengurus, selain dua ahli lain iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang dan Datuk Nik Ahmad Kamil.⁵¹ Dato' Onn telah dilantik menjadi Yang Dipertuan UMNO pertama⁵² dan dengan ini beliau lebih berkeyakinan untuk membela kepentingan orang-orang Melayu.

Tujuan UMNO ditubuhkan ialah untuk menentang penubuhan Malayan Union dan menggantikannya dengan satu sistem yang lain yang dapat

mengekalkan hak kedaulatan raja-raja Melayu, hak keistimewaan orang Melayu dan Semenanjung Tanah Melayu. Penubuhan UMNO juga boleh dikaitkan dengan kekejaman semasa pemerintahan Jepun dan semasa pemerintahan 13 hari oleh PKM di mana orang Melayu cukup sedar bahawa perlunya ada sebuah persatuan bagi orang-orang Melayu untuk menentang sebarang penjajahan.

UMNO telah mendapat sokongan daripada beberapa orang pegawai Inggeris seperti R.O Winstedt bekas penasihat Inggeris di Johor dan Frank Swettenham bekas Ketua Residen Negeri Melayu Bersekutu. Mereka berpendapat bahawa dasar Malayan Union sangat bertentangan dengan dasar Inggeris yang dilaporkan di dalam akhbar di London pada April 1946.

Bantahan-bantahan dan tunjuk perasaan yang dibuat oleh orang Melayu memaksa kerajaan British menghantar wakil-wakil Inggeris untuk mengkaji bantahan orang Melayu secara dekat. Rombongan itu dihadiri oleh L.D Gammans dari Parti Konservatif dan David Ress William wakil Parti Buruh. Melalui demonstrasi aman yang dilakukan oleh orang-orang Melayu semasa wakil-wakil Inggeris ini meninjau keadaan orang Melayu membantah Malayan Union telah mempengaruhi pihak British supaya mengadakan satu perjanjian baru menggantikan Malayan Union.

Dato' Onn telah menggunakan taktik ancaman kepada pihak British dengan mengesahkan kegiatan pemuda Melayu ke arah Indonesia di dalam Angkatan Pemuda Insaf (API) yang ditubuhkan pada Februari 1946 di bawah pimpinan Ahmad Boestamam sebagai sayap kanan PKMM. Mereka lebih condong kepada revolusi Indonesia untuk mendapatkan kemerdekaan penuh. Kehendak orang Melayu telah diterima oleh Gabenor Malcom Mac Donald

pada 29 Jun 1946 kerana tidak mahu lahir satu masalah politik yang tidak terkawal yang boleh membahayakan kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu.

Melalui rundingan-rundingan yang diadakan oleh Dato' Onn, raja-raja Melayu dan pihak British, Dato' Onn tidak bersetuju kandungan raja-raja Melayu membuang Melaka dan Pulau Pinang dari Persekutuan kerana kedua-duanya adalah negeri-negeri Melayu awal yang terpisah kerana penjajahan. Dalam soal kerakyatan Dato' Onn membantah sumpah taat setia rakyat Persekutuan ditujukan kepada raja England. Seharusnya rakyat negeri-negeri Melayu adalah rakyat raja Melayu dan raja-raja Melayulah yang berhak kepada kesetiaan rakyatnya. Jika rakyat Persekutuan mengangkat sumpah kepada raja England bererti negeri-negeri Melayu adalah jajahan British. Dato' Onn juga menolak kuasa meluluskan undang-undang diberikan kepada kerajaan British. Ini adalah wajar setiap undang-undang Tanah Melayu patut diluluskan oleh Federal Council Tanah Melayu sahaja tanpa campurtangan Parlimen British. Dato' Onn juga tidak bersetuju dengan cadangan Setiausaha Agong Gabenor Jeneral Asia Tenggara, Sir Ralph Hones yang mahu kerakyatan Persekutuan didasari kepada sesiapa yang mengakui taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu sebagai tanah airnya. Dato' Onn inginkan kerakyatan Persekutuan hanya terbuka dan didasarkan kepada rakyat raja negeri-negeri Melayu sahaja. Keputusan daripada rundingan itu akhirnya Dato' Onn dan raja-raja Melayu menerima orang bukan Melayu sebagai rakyat Persekutuan dengan syarat yang ketat dan British pula menerima kerakyatan jus soli bagi orang Melayu sahaja.⁵³

Hasil daripada rundingan itu termeterilah Perjanjian Persekutuaan pada 21 Jan 1948 kerana terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Febuari

1948.⁵⁴ Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu antara Dato' Onn, raja-raja Melayu dan British telah mengembalikan semula sifat-sifat tradisional Negeri Melayu termasuklah mendaulatkan semula raja Melayu sebagai ketua negeri Melayu dengan segala kuasa dan adat istiadat yang mengiringinya, kedudukan Negeri Melayu sebagai Negeri Yang Dinaungi, Rakyat Raja sebagai rakyat negeri Melayu dan negeri Melayu sebagai negeri yang merdeka antara satu sama lain.⁵⁵

Dato' Onn dan UMNO telah ditentang oleh PKMM yang telah keluar dari UMNO sejak tahun 1946 kerana masalah menentukan bendera UMNO dan perbezaan ideologi sejak Jun 1946 mendakwa bahawa Dato' Onn gagal memerdekaan Tanah Melayu dan tidak berpuas hati kerana soal pertahanan masih di bawah British. Apabila PKMM diselar oleh Dato' Onn yang mana orang Melayu belum cukup terlatih untuk mentadbir negara yang merdeka telah menyebabkan PKMM menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) pada 22 Februari 1947⁵⁶ menentang Dato' Onn dan UMNO.

Orang bukan Melayu pula menujuhkan Council Of Joint Action (CJA) daripada Oktober 1946 di Singapura turut mengecam Dato' Onn dan UMNO. Apabila CJA diperluaskan ke Tanah Melayu dinamakan Pan Malayan Council Of Joint Action (PMCJA) sebelum ditukarkan kepada All Malayan Council Of Joint Action (AMCJA) pada Ogos 1947⁵⁷ yang juga dipengaruhi oleh PKM menentang British dan UMNO.

PUTERA dan AMCJA kemudiannya bergabung dan telah mengadakan Hartal iaitu satu mogok ekonomi yang dilancarkan pada 19 Oktober 1947. Hanya negeri Melaka, Pulau Pinang dan Singapura kerana Chinese Chambers Of Commerce, anggota MCJA sangat berpengaruh.⁵⁸

Bagi memperluaskan pengaruhnya, PKMM telah menyelinap masuk ke dalam Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol, Perak. Pengetua madrasah itu, Ustaz Abu Bakar Al-Bakir merupakan pemimpin golongan ulamak yang radikal merasakan perlu untuk bekerjasama dengan golongan radikal Melayu untuk menjaga kepentingan agama Islam yang dianggapnya tidak dibela oleh UMNO yang bersifat sekular.⁵⁹ Kerjasama ini juga adalah penerusan pengaruh golongan radikal Melayu di kalangan masyarakat Melayu yang berpendidikan agama Islam. Kebanyakan ahli PKMM, API, BATAS, AWAS dan sekutunya adalah sebahagian besar terdiri daripada penuntut sekolah agama termasuk madrasah tersebut. Selain daripada itu, kelahiran MATA (Majlis Agama Islam Tertinggi), PERPEMAS (Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya) dan LEPIR (Lembaga Pendidikan Rakyat) ditubuhkan bagi mengembangkan tenaga dan memajukan ekonomi, pendidikan dan keagamaan orang Melayu juga turut bergerak di belakang PKMM.⁶⁰

Penubuhan Hizbul Muslimin merupakan kemuncak kerjasama golongan radikal dengan golongan radikal agama yang ditubuhkan pada 14 Mac 1948. Tujuan penubuhan Hizbul Muslimin sebagai satu parti ialah untuk mengawasi dan memajukan politik orang Islam. Ini kerana UMNO tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam menjaga kepentingan agama Islam. Manakala PKMM pula dianggap telah diresapi oleh PKM. Dengan itu sebuah parti yang berlandaskan Islam dari segi falsafah dan pendekatan wajar ditubuhkan. Namun begitu Hizbul Muslimin sebenarnya tidak dapat mengelakkan diri dari terus dipengaruhi oleh golongan radikal Melayu dan komunis kerana Hizbul Muslimin telah dijadikan medan baru bagi menentang UMNO dan British.

Kemuncak resapan PKM ke dalam PKMM dan Hizbul Muslimin telah membawa pengisytiharan Darurat pada 21 Jun 1948 oleh British. Ini kerana percubaan mereka untuk merampas kuasa atau menggabungkan diri dalam kerajaan negeri gagal, mereka telah melakukan pelbagai angkara untuk melumpuhkan ekonomi negara termasuklah melancarkan keganasan dan pembunuhan. Penangkapan ketua Hizbul Muslimin iaitu Ustaz Abu Bakar Al-Bakir untuk ditahan dalam undang-undang darurat telah membantutkan perjuangan parti bercorak Islam yang pertama di Tanah Melayu. Di bawah Penguatkuasaan Undang-undang Darurat juga turut menahan ramai tokoh-tokoh pertubuhan kiri Melayu seperti Ahmad Boestamam, Rashid Maidin, Hassan Zol, Zain Arif, Sharif Salleh,⁶¹ Ishak Haji Mohamad, Rasudin Yaakob⁶² dan ramai lagi.

Kekosongan arena politik Tanah Melayu disebabkan oleh pengisytiharan darurat itu telah menghidupkan UMNO sebagai pemuka politik orang Melayu yang tunggal bagi menjaga kepentingan orang Melayu.

C. UMNO Pusat Dan Perkembangannya

Dalam persidangan agung UMNO di Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946, sebuah Piagam UMNO telah dibentuk dan diluluskan di dalam Kongres Kebangsaan Melayu di Kuala Lumpur pada 31 Mac 1946. Di dalam piagam ini terkandung lima peraturan bagi menjalankan UMNO iaitu Peraturan I mengenai perlantikan dan tugas-tugas Setiausaha; Peraturan II mengenai “Greeting”, Peraturan III mengenai Majlis Mesyuarat Agung, Peraturan IV mengenai Bendera UMNO dan Peraturan V pula mengenai Derma Kebangsaan Melayu.⁶³

Terdapat tiga Majlis yang ditentukan oleh Piagam 1946 bagi menjalankan UMNO iaitu:-

- i. Majlis Mesyuarat Agung
- ii. Majlis Mesyuarat Kerja
- iii. Jabatan Setiausaha Agung.⁶⁴

Majlis Mesyuarat Agung UMNO diadakan setahun sekali dan diwakili oleh dua orang wakil setiap peraturan yang bergabung. Anggota-anggota dalam Majlis ini terdiri daripada Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha Bendahari dan Ketua-ketua Jabatan. Pada tahun 1946, ibu pejabatnya telah berpindah dari Johor baharu ke Hale Street, Ipoh Perak pada 1947-1949.

UNMO tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas persatuan-persatuan tersebut. Tugas UMNO hanya membincangkan dan memutuskan cadangan persatuan-persatuan tersebut. Setiap persatuan ini mempunyai kuasa otonomi dan dengan itu pentadbiran dan organisasi UMNO dengan persatuan-persatuan adalah terpisah. Yang Dipertua UMNO pertama ialah Dato' Onn B. Jaafar yang telah memegang jawatan ini selama lima tahun iaitu dari tahun 1946 hingga 1951.⁶⁵ Dalam menjalankan sebarang urusan beliau mendapat nasihat daripada Majlis Mesyuarat Agung. Selain itu beliau turut dibantu oleh Naib Yang Dipertua. Ahmad Tahir B. Setia Raja telah menjawat jawatan tersebut sejak tahun 1947. Manakala Dato' Haji Wahab B. Tok Muda merupakan Setiausaha Agung UMNO yang pertama.

Untuk menjalankan kegiatan UMNO di semua bidang, jabatan-jabatan yang diketuai oleh pegawai-pegawai ditubuhkan pada 1 dan 2 Mac 1947. Penubuhan jabatan-jabatan ini bagi menjalankan cita-cita dan tujuan-tujuan pertubuhan.⁶⁶ Slogan perjuangan UMNO ialah “Hidup Melayu”.⁶⁷ Menurut

Dato' Onn, Hidup Melayu bererti meninggikan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa (kita), kita berkehendakkan tanahair dan bangsa (kita) ini terselamat dan kuat... menolak keaiban yang menyebabkan kebinasaan dan kehapusan bangsa (kita).⁶⁸ Dengan slogan ini Dato Onn telah berjaya mengumpulkan seluruh tenaga kebangsaan Melayu menentang Malayan Union dan demi menegakkan Tanah Melayu untuk Melayu selain ianya digunakan untuk menutup sebarang surat mesyuarat, persidangan dan ucapan-ucapan umum.

Dalam membincangkan mengenai bendera UMNO yang telah diputuskan pada 29 dan 30 Jun 1946 dalam mesyuarat Agung di Ipoh Perak ianya dijadikan sebagai lambang penyatuan ahli-ahlinya. Namun perbincangan ini telah membawa penarikan PKMM daripada ahli gabungan di dalam UMNO kerana keengganahan pucuk pimpinan UMNO memenuhi permintaan PKMM supaya Sang Saka Merah Putih bendera Indonesia menjadi bendera UMNO.⁶⁹ Namun begitu ada pendapat mengatakan ianya ada kaitan dengan soal ideologi di mana PKMM parti ini agak berhaluan kiri dan mengamalkan sahaman republikan sedangkan UMNO dipengaruhi oleh feudalisme iaitu mempertahankan hak raja-raja Melayu. Ada juga mengatakan bahawa PKMM berjuang untuk kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia sedangkan UMNO tidak.⁷⁰

UMNO juga telah mengadakan pakaian rasmi bagi ahli-ahli UMNO di majlis-majlis persidangan agung, perkumpulan sosial di bawah nama UMNO dan di upacara rasmi negara dan negeri. Pakaian rasmi ini telah ditetapkan pada 21 Mac 1947 dalam persidangan agung di Seremban. Setiap ahli UMNO dikehendaki memakai baju Melayu dan sampin serta bersongkok.

Pada 1 Februari 1948, UMNO telah menukar corak pertubuhan dari badan bergabung kepada satu unit parti politik (peringkat negeri)⁷¹ sebagai langkah menjadikan UMNO lebih sempurna sebagai sebuah organisasi politik. Berikut itu UMNO akan mempunyai cawangan-cawangan di merata tempat di Tanah Melayu di samping mempunyai dasar-dasar dan tujuan yang tertentu.

Tujuan UMNO dalam tempoh ini bertujuan untuk menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan mendirikan sebuah kerajaan yang memerintah dengan merdekanya di Tanah Melayu. Selain itu bertujuan untuk memajukan orang-orang Melayu dalam bidang siasah, kebajikan, kebudayaan dan iktisad. Dengan tujuan ini UMNO telah mengembangkan pengaruhnya dengan menubuhkan bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan di seluruh Tanah Melayu.

Untuk ini maka semua yang berminat boleh mendaftar sebagai Ahli Biasa, Ahli Bersekutu atau Ali Gabungan. Untuk menubuhkan UMNO bahagian dan cawangan pula, UMNO Cawangan hendaklah ditubuhkan mengandungi Bahagian Pemuda dan Bahagian Kaum Ibu, manakala telah ada sekurang-kurangnya 50 peratus cawangan UMNO, barulah ditubuhkan Bahagian UMNO.⁷²

Sistem pentadbiran di peringkat Bahagian juga agak selari dengan Pusat. Mesyuarat Agung UMNO di adakan setahun sekali. Persidangan dihadiri oleh pegawai-pegawai UMNO Bahagian, Ketua-ketua Cawangan di dalam Bahagian itu, Ahli-ahli Biasa yang dilantik mewakili cawangan-cawangan dan wakil Perikatan Pemuda dan Pergerakan Kaum Ibu. Manakala di peringkat cawangan pula ialah mesyuarat tahunan boleh diadakan bila-bila masa sahaja yang dikehendaki oleh Ketua Cawangan atau permintaan daripada enam orang Ahli


Jawatankuasa Kerja Cawangan yang terdiri dari Pegawai-pegawai Cawangan dan beberapa ahli yang dilantik. Tugas Jawatankuasa ini ialah mentadbir hal-hal cawangan seperti mengelola dan melaksanakan sepenuhnya undang-undang tubuh UMNO dan memilih ahli-ahli bagi mewakili cawangan di dalam sebarang mesyuarat. Sila lihat rajah 1.1:

RAJAH I: Organisasi UMNO 1948

UMNO MALAYA

- UMNO MELAKA
- UMNO PENANG
- UMNO KEDAH
- UMNO PERLIS
- UMNO KELANTAN →
- UMNO TERENGGANU
- UMNO PERAK
- UMNO SINGAPURA
- UMNO JOHOR
- UMNO NEGERI SEMBILAN
- UMNO SELANGOR
- UMNO PAHANG

UMNO BAHAGIAN



Sumber: Ramlah Adam, 1978, *UMNO: Organisasi Dan Kegiatan 1946-1951*, Nawi Book Store, Kelantan, hlm 45

Selain sistem pentadbiran UMNO, peranan Perikatan Pemuda UMNO dan Bahagian Kaum Ibu UMNO turut penting di dalam UMNO. Perikatan Pemuda UMNO telah ditubuhkan pada 26 Ogos 1949 dan Kapten Hussain telah dilantik sebagai ketua Perikatan Pemuda.⁷³ Manakala Pergerakan Kaum Ibu UMNO pula ditubuhkan pada 25 Ogos 1949.⁷⁴ Idea untuk menubuhkan sebuah pergerakan bagi ahli-ahli wanita UMNO telah disuarakan oleh tiga orang wakil wanita yang hadir dalam persidangan UMNO di Kuala Lumpur pada 1946. Puteh Mariah Ibrahim Rashid kemudiannya telah dilantik menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO yang pertama.⁷⁵

Pada peringkat awal tidak ramai kaum ibu yang terlibat dalam politik. Hanya di kalangan mereka yang berpelajaran seperti guru dan isteri-isteri yang suaminya bergiat cergas dalam UMNO yang terlibat. Sambutan yang dingin ini bukan sahaja kerana tidak berpelajaran tetapi kebanyakan mereka masih terkongkong dengan adat resam lama yang tidak menggalakkan mereka berada di khalayak ramai. Walau bagaimanapun sambutan wanita luar bandar bertambah baik selepas tahun 1950 di mana mereka mula terlibat di dalam UMNO dan penglibatan mereka sekurang-kurangnya dapat memberi kekuatan moral dan tenaga kepada organisasi UMNO.

Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan bahawa kesedaran politik orang Melayu telah wujud sejak tahun 1900 lagi namun sedikit demi sedikit orang Melayu telah mula bergiat di dalam politik dengan tertubuhnya perbagai persatuan di setiap negeri. Kejayaan Dato' Onn membentuk UMNO sebagai sebuah parti politik orang Melayu untuk menentang Malayan Union telah menyebabkan UMNO disokong oleh orang-orang Melayu dan raja-raja Melayu kerana UMNO diyakini dapat membela dan menjaga hak ketuanan Melayu.

Selepas Undang-undang Darurat diisytiharkan pada tahun 1948, banyak parti politik berhaluan kiri diharamkan. Hanya UMNO sahaja yang kekal berdiri sebagai pemuka politik orang Melayu yang tunggal. UMNO juga disokong dengan pembentukan struktur organisasinya yang sempurna telah menjadikannya sebagai sebuah parti politik yang kukuh untuk menaungi kepentingan orang Melayu sehingga ini.

Nota Hujung

-
- ¹ N.J Funston, 1980. *Malay Politic In Malaysia*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Petaling Jaya, , hlm. 30.
- ² Abu Bakar Hamid, 1996. *UMNO Johor 50 Tahun: Memartabatkan Bangsa Melayu*, Berita Publishing Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 17.
- ³ Willian R.Roff, 1984. *Nasionalisma Melayu (terj)*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm.72.
- ⁴ Mohd Sarim Hj Mustafa, 2001. "Syekh Mohd Tahir Jalaluddin" dalam Seminar Kebangsaan Pejuang-pejuang Kemerdekaan, Melaka, hlm. 3.
- ⁵ William R.Roff, 1984. op.cit., hlm. 269.
- ⁶ Ahmad B. Samion, 1989. *Hidup UMNO*, Penerbitan Gedung Ilmu, Johor Baharu, hlm. 1.
- ⁷ Syed Husin Ali, 1979. *Orang Melayu: Masalah Dan Masa Depannya*, Penerbitan Adabi Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 20.
- ⁸ Ringkasnya gagasan islah yang dipancarkan dari Al-Imam itu bertujuan untuk membangunkan semula masyarakat Islam yang pada dekad itu sudah jauh ketinggalan dalam perlumba hidup dengan bangsa-bangsa asing. Berlandaskan kepada Islam ketinggalan ini dinilai bukan kerana umat Islam tidak mampu bertanding dan berlumba hidup dengan bangsa-bangsa asing malah mereka melihatkan kejatuhan itu berpunca dari kelalaian dan kealpaan mereka untuk memahami hakikat ajaran Islam. Mohd Sarim Haji Mustajab, 1978. "Gerakan Islah Islam di Tanah Melayu hingga 1948", dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 123.
- ⁹ Ahmad B. Samion, 1989. op.cit.,hlm. 1.
- ¹⁰ *Ibid.*, hlm.2.
- ¹¹ *Ibid.*, hlm. 2.
- ¹² Hambali Abdul Latiff, 1995. *Putera Mahkota UMNO*, Penerbitan Satria, Kuala Lumpur, hlm. 1.
- ¹³ *Ibid.*, hlm. 2.
- ¹⁴ Abu Bakar Hamid, 1996. op.cit., hlm. 18.
- ¹⁵ Khoo Kay Kim, 1978. "Suasana Perang Perang Dunia Kedua: Politik Di Tanah Melayu" dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, hlm. 35.
- ¹⁶ *Ibid.*, hlm 21.
- ¹⁷ Zakiah Hanum, 1987. *Tercabarnya Bangsa Melayu*, Penerbitan Lajmeidakh Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm.76-77.
- ¹⁸ *Lembaga Malaya*, 15 Jun 1936.
- ¹⁹ Ahmad B. Samion, 1989. op.cit., hlm. 3.
- ²⁰ *Ibid.*
- ²¹ N.J Funston, 1980. op.cit., hlm. 33
- ²² Ahmad B. Samion, 1989. op.cit hlm. 3.
- ²³ KMM sebenarnya sebuah persatuan yang berasal dari sebuah pertubuhan pemuda yang ditubuhkan oleh sekumpulan pelajar Sekolah Teknik Kuala Lumpur dan Sekolah Pertanian Serdang. Pelajar-pelajar ini bermesyuarat di Kampung Baru telah menamakannya Persatuan Belia Melayu. Persatuan ini bersifat semipolitik untuk melahirkan kesedaran politik di kalangan ahli-ahlinya. Nama Kesatuan Melayu Muda diberikan oleh Sultan Djena'in seorang pelarian politik Parti Komunis Indonesia. Oleh kerna beliau mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan dalam revolusi rakyat, beliau telah dijemput menjadi penunaung kepada golongan muda Melayu. Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 52
- ²⁴ J.N Funston, 1980. op.cit.,hlm. 32.
- ²⁵ Kebanyakan mereka ialah bekas pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris dan bekerja sebagai guru. Manakala Ahmd Boestamam ialah wartawan. Sementara Haji Othaaman Abdullah adalah bekas penuntut yang aktif di Mesir dan bergiat dalam akhbar Seruan Al-Azhar. Kekuatan KMM ditambah dengan kemasukan tokoh-tokoh muda berpengalaman seperti Ishak Haji Mohamad yang bertugas sebagai wartawan dalam akhbar Majlis yang berpusat di Singapura. Yahya Ismail, 1986. *Ke mana Hilangnya Melayu*, Dirnamika Kreatif Sdn Bhd, Pulau Pinang, hlm. 20. Sila lihat Hambali Abdul Latiff, 1995. *Op.Cit.*, hlm. 4.

- ²⁶ Abdul Latif Bakar, 2001. "Ishak Haji Mohamad (Pak Sako)", Seminar Kebangsaan Pejuang-pejuang Kemerdekaan, Melaka, hlm. 5.
- ²⁷ Abu Bakar Hamid, 1996. *op.cit.*, hlm. 21.
- ²⁸ Li Chuan Siu, 1986. *Iktisar Sejarah Pergerakan Dan Kesusasteraan Melayu Modern 1945-1965*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 12.
- ²⁹ Mustafa Suhaimi, 2000. "Mengimbau Detik Perjuangan Kemerdekaan Setengah Abad" dalam Majalah Al Islam, Penerbitan Hikmah, Kuala Lumpur, hlm. 20.
- ³⁰ *Ibid.*, hlm. 32.
- ³¹ *Ibid.*, hlm. 33.
- ³² Shahrom Husain, 1985. *Biografi perjuangan Politik Dato' Onn*, Penerbitan Tajar Bakti Sdn Bhd, Petaling Jaya, hlm. 72.
- ³³ Aishah Ghani, 1992. *Memoir Seorang Pejuang*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 20.
- ³⁴ Ramlah Adam, 2001. "Ahmad Boestamam", Seminar Kebangsaan Pejuang-pejuang Kemerdekaan, Melaka, hlm. 6.
- ³⁵ Dalam perlumbaan PKMM ciri-ciri PKMM disebut seperti:
1. Tidak mahu bekerjasama dengan British dan mahukan kemerdekaan seratus peratus dan mahu menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah republik Indonesia Raya di bawah konsep Melayu Raya.
 2. PKMM mengambil bendera kebangsaan Indonesia iaitu Sang Saka Merah Putih sebagai bendera dan lagu kebangsaan Indonesia sebagai lagu PKMM.
 3. Penglibatan PKM sejak awak penubuhan PKMM. PKM merupakan organisasi dan pertubuhan yang halal pada masa itu.
 4. PKMM diasaskan oleh golongan rakyat biasa dan bukan daripada kalangan bangsawan. PKMM dianggotai oleh pelbagai latar belakang pendidikan seperti agama, Inggeris dan Melayu.
- Mingguan Malaysia*, 25 September 1994.
- ³⁶ Ibrahim B. Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 41.
- ³⁷ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 1.
- ³⁸ *Ibid.*, hlm. 212.
- ³⁹ Ibrahim Mahmood, 1981. *op.cit.*, hlm. 65.
- ⁴⁰ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 2.
- ⁴¹ *Ibid.*, hlm. 213
- ⁴² Ahmad Boestaman, 1972. *Merintis Jalan ke Puncak*, Penerbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, hlm. 57.
- ⁴³ Zaidi B. Ya'akob, 1992, "UMNO Baru dan UMNO Lama: Satu Perbandingan Dari Segi Perlembagaan", Tesis Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 24
- ⁴⁴ Aishah Ghani, 1992. *op.cit.*, hlm. 25.
- ⁴⁵ Ibrahim Mahmood, 1981. *op.cit.*, hlm. 71.
- ⁴⁶ B.W Andaya dan L.Y Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia*, Macmillan Publisher Sdn Bhd, Petaling Jaya, hlm. 26.
- ⁴⁷ Shahrom Husain, 1985. *op.cit.*, hlm. 101.
- ⁴⁸ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 8.
- ⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 11.
- ⁵⁰ Hambali Abdul Latiff, 1988. *UMNO Baru Milik Siapa?*, Penerbitan Pena Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 20.
- ⁵¹ *Ibid.*, hlm. 21.
- ⁵² Ahmad B. Samion, 1989. *Hidup UMNO*, Penerbitan Gedung Ilmu, Johor Baharu, hlm. 6.
- ⁵³ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 13,14 dan 15.
- ⁵⁴ Ahmad Boestamam, 1979. *Datuk Onn Yang Saya Kenali*, Penerbitan Adabi Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 34.
- ⁵⁵ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 214.
- ⁵⁶ Keanggotaan PUTERA terdiri dari PKMM, API, AWAS, BATAS (Barisan Tani Se-Malaya yang dipimpin oleh Musa Ahmad), MATA (Majlis Islam Tertinggi yang dipimpin oleh Ustaz Abu Bakar Al-Bakir) dan GERAM (Gerakan Angkatan Muda yang dipimpin oleh Aziz Ishak dan A. Samad Ismail). Ahmad Boestamam, 1972. *Dr Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya*, Penerbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, hlm. 24.

- ⁵⁷. Selain daripada AMCJA, badan-badan bukan Melayu yang dilihat menentang British dan UMNO ialah Parti Komunis-Malaya, Malayan Democratic Union (MDU), (MIC) Malayan Indian Congress pimpinan Budd Sigh), New Democratic Youth League (NDYL) dan beberapa buah badan lain termasuk pergerakan kaum buruhnya . Pertubuhan ini mendirikan gabungan yang diberi nama AMCJA. DDU yang dibawah pimpinan John Eber dan Gerald de Cruz AMCJA telah mengajak PUTERA bergabung. Sila lihat Ahmad Boestamam, 1972. *Dr Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya*, hlm. 24
- ⁵⁸ *Ibid.*, hlm. 17 dan 18.
- ⁵⁹ Nabir Haji Abdullah, 1976. "Maahad II Ihyu Assyariif Gunung Semanggol 1934-1959", Tesis Jabatan Sejarah UKM, Bangi, hlm. 109.
- ⁶⁰ Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 99.
- ⁶¹ Ahmad Boestamam, 1972. *Merintis Jalan Ke Puncak*, him. 89.
- ⁶² *Ibid.*, hlm. 108
- ⁶³ Ramlah Adam, 1978. *UMNO: Organisasi Dan Kegiatan 1946-1951*, Mohd Nawi Book Store, Kelantan, hlm. 35.
- ⁶⁴ Hambali Abdul Latiff, 1995. *op.cit.*, hlm. 23.
- ⁶⁵ A. Karim Haji Abdullah, 1993. *UMNO Tunggak Perpaduan Melayu*, Aka Media, Petaling Jaya, hlm. 3.
- ⁶⁶ Antara jabatan-jabatan tersebut ialah (i) Pejabat Perkara-perkara Kewangan, (ii) Pejabat Perkara-perkara Agama dan Pelajaran, (iii) Pejabat Perkara-perkara Iktisad, (iv) Pejabat Perkara-perkara Dakyah, (v) Pejabat Perkara-perkara Membantah Malayan Union. Ramlah Adam, 1978. *UMNO: Organisasi Dan Kegiatan 1946-1951*, hlm. 37.
- ⁶⁷ Ahmad Atory Hussain, 1993. *Dimensi Politik Melayu 1980-1990*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 1.
- ⁶⁸ Hambali Abdul Latiff, 1995. *op.cit.*, hlm. 13.
- ⁶⁹ Ahmad Boestamam, 1972. *Dr Burhanuddin Putera Setia Melayu Raya*, hlm. 17.
- ⁷⁰ Chamil Wariya, 1988. *UMNO (Baru): Kelahiran Dan Perkembangan Awalnya*, "K" Publishing Distributor Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 1.
- ⁷¹ Ibrahim Mahmood, 1981. *op.cit.*, hlm. 184.
- ⁷² Ramlah Adam, 1978. *UMNO: Organisasi Dan Kegiatan 1946-1951*, hlm. 45.
- ⁷³. Tujuan Perikatan Pemuda ini menyatukan pemuda-pemuda di samping menyemai, menghidapkan dan menggalakkan di antara pemuda-pemuda perasaan dan semangat kasih sayang, taat setia kepada bangsa, tanahair dan agama. Hambali Abdul Latiff, 1995. *op.cit.*, hlm. 30
- ⁷⁴ Lenore Manderson terjemahan Samsudin Jaafar, 1981. *Wanita, Politik Dan Perubahan Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, hlm. 90.
- ⁷⁵ Mereka terdiri di Puteh Mariah, wakil Perikatan Melayu Perak, Zainab Abdul Rahman, wakil Persatuan Melayu Seberang Perai dan Saleha Ali, wakil Persatuan Melayu Selangor. Ramlah Adam, 1978, "Sejarah Awal Pergerakan Kaum Ibu UMNO" dalam *Jurnal Sejarah*, Edisi XV1977/1978, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 117.